

MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH



Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj ibni Almarhum
Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj.

Oleh Nurzuliana Kamaruzaman

Seinonim sebagai rumah ibadat bagi yang beragama Islam, masjid merupakan sebuah institusi keagamaan rasmi yang tidak hanya menjadi tempat beribadat dan berdakwah, malah boleh dijadikan sebagai tempat berkumpul, berbincang dan bermasyarakat. Sejak zaman Rasulullah SAW lagi, masjid merupakan sebuah institusi penggerak ummah yang sangat dimuliakan dan dihormati. Masjid ialah binaan pertama yang dibina apabila baginda tiba di Madinah.

Begitu juga kisahnya tentang pemimpin hebat Akhbar (*Akhbar The Great*), yang telah membina Masjid Badshashi setelah Lohore menjadi ibu negeri Peshawar. Melalui kisah kedua-dua pemimpin hebat dunia ini, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mendapat ilham untuk membina sebuah masjid, lambang keagungan Islam dan kebanggaan rakyat negeri Selangor.

Sehubungan dengan itu, pada awal tahun 1975, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah menitahkan pembinaan sebuah masjid sebaik-baik sahaja Shah Alam diisytiharkan sebagai ibu negeri Selangor. Pemilihan tapak seluas 14.6 hektar di atas dataran tinggi pusat



Permulaan pembinaan masjid pada tahun 1983.

bandar Shah Alam juga merupakan cadangan bernas daripada baginda. Pemilihan tapak tersebut menjadikan masjid negeri ini tersergam indah dengan pemandangan yang cantik dan mendamaikan dari Taman Tasik Shah Alam.

Pada 8 Mac 1980, peletakan batu asas bagi pembinaan masjid ini disempurnakan oleh baginda sendiri dan diikuti dengan proses pembinaan yang bermula pada 1 Oktober 1983 dan selesai pada 15 Ogos 1987. Dengan nilai anggaran kos pembinaan sebanyak RM160 juta ringgit, masjid ini mula digunakan pada 3 Disember 1987. Masjid yang mampu menerima



Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

seramai 24 000 kapasiti jemaah pada satu-satu masa ini telah dirasmikan sendiri oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 11 Mac 1988.

Melihat kepada kehebatan dan keindahan Masjid Negeri ini, satu pujian besar buat arkitek yang mereka bentuknya kerana tugas ini bukanlah mudah, ditambah pula dengan proses pembinaan masjid yang memakan masa hampir 12 tahun. Berikutan itu, pembinaan yang diketuai oleh Dato Baharuddin Abu Kassim daripada Syarikat Jurubina Bertiga ini layak untuk diberikan pujian dan penghormatan.

Kubah

Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah tersenarai di dalam "Guinness Book of Records". Memiliki saiz kubah berdiameter (garis pusat) 170 kaki dan berketinggian 300 kaki dari paras bumi melayakkan masjid ini disenaraikan dalam "Guinness

Book of Records" sebagai masjid yang mempunyai kubah yang terbesar dan tertinggi di dunia. Ditambah lagi dengan pemilihan panel berwarna biru yang menutupi luaran kubah menjadikan masjid ini digelar sebagai "Masjid Biru".

Di bahagian luar kubah pula dihiasi dengan tulisan khat ayat al-Quran berwarna biru dan berlatarbelakangkan panel berwarna kelabu, yang menambahkan kecantikan dan keunikan. Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sekali lagi mencipta pembaharuan, apabila menjadi masjid pertama yang menggunakan sistem punca air yang juga sistem pertama di dunia yang menggunakan 77 punca air di sekeliling permukaan kubah untuk kegunaan penyelenggaraan (pembersihan) dengan kos perbelanjaan sebanyak RM32.4 juta ringgit.




Dewan Sembahyang Utama, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Dewan Sembahyang

Dewan Sembahyang Utama yang berkeluasan 73 000 kaki persegi, dinaungi oleh sebuah kubah besar dan disokong oleh lapan buah tiang. Keindahan ukiran kayu yang berbentuk tiga segi dan diselangselikan dengan penggunaan kayu balau merah dan ramin telah menghasilkan satu corak yang unik dan menarik pada dalaman (siling) kubah tersebut.


Untuk kemudahan jemaah bergerak dari satu aras ke aras yang lainnya, pada setiap tiang dilengkapi



Keindahan kubah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.




Jam antik yang disumbangkan oleh Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah diletakkan di dalam Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



Mihrab dan mimbar di dalam Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



Seni tulisan khat di bahagian dalam kubah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



Keindahan ukiran kayu di bahagian dalam kubah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

dengan lif dan tangga. Masjid ini juga mempunyai dua aras yang terbahagi kepada Aras 1 (Dewan Utama) dan Aras 2 (Dewan Sembahyang Wanita). Selain itu, ada juga empat buah lampu hiasan candelier yang sangat cantik dan digantung di dalam dewan sembahyang. Lampu-lampu candelier ini berharga lebih daripada RM2 juta dan merupakan sumbangan ikhlas daripada baginda sendiri.

Baginda juga berbesar hati untuk menghadiahkan sebuah jam antik buatan Eropah yang berusia lebih 600 tahun yang dibeli dari Hong Kong dengan harga RM200 000. Di bahagian tengah dewan sembahyang pula terdapat 24 buah kipas tegak dan kipas penyedut yang berada di bahagian bumbung pula bertujuan untuk memastikan pengaliran udara yang baik dan nyaman.

Mihrab dan Mimbar

Di Dewan Sembahyang Utama, terdapat mihrab yang merupakan satu sudut yang menunjukkan arah kiblat. Keistimewaannya, mihrab ini diperbuat daripada batu marmar putih berserta ayat-ayat suci al-Quran. Selain mihrab, ada juga mimbar yang digunakan oleh khatib untuk menyampaikan khutbah. Mimbar ini diletakkan di atas empat tiang dan dilengkapi dengan batu marmar putih Mahsuri setinggi 30 kaki yang menutupi bumbungnya, serta dihiasi dengan ukiran bintang dan bulan sabit bersalut emas di atasnya.

Hiasan Khat

Satu tarikan yang sering dikagumi dan menjadi bualan pelawat serta pelancong ialah kehalusan dan kesenian tulisan khat yang menghiasi hampir setiap sudut dan ruang di masjid ini termasuklah di bahagian luar dan dalam kubah, serta di dewan sembahyang utama masjid ini. Antara tulisan khat yang terdapat di masjid ini ialah hasil tangan penulis khat terkenal Mesir, Sheikh Abdel Moneim


Satu daripada empat buah candelier yang sangat cantik digantung di dalam Dewan Sembahyang Utama.


Mohamed Ali El Sharkawi, serta beberapa tulisan khat yang dibantu dan dihasilkan oleh penulis khat tempatan.

Kemudahan

Terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan untuk para jemaah dan pelawat yang mengunjungi masjid ini. Khas untuk para pelancong dan pelawat yang bukan beragama Islam, pentadbir masjid menyediakan persalinan khusus untuk memasuki masjid supaya segala adab dan tatacara memasuki masjid diikuti sebaik-baiknya.

Selain itu, ada juga kemudahan yang disediakan untuk kegunaan orang awam seperti tempat mengambil wuduk, tandas, perpustakaan, dewan kuliah, dewan akad nikah, wifi, kaunter zakat, tempat pengurusan jenazah, khidmat nasihat, pemandu pelancong dan Klinik Al-Falah. Pelbagai program kerohanian juga disediakan seperti Laman Santai Ilmiah, Bicara Addin, Kuliah Syarah Al-Hakim, Kelas Talaqi al-Quran, Majlis Zikir Asmaul Husna, Bicara Aqidah dan sebagainya.

Keindahan dan keagungan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menjadi kebanggaan rakyat negeri Selangor. Masjid ini juga ialah masjid terbesar di Malaysia, serta terunggul di Asia Tenggara. Jika anda berpeluang dan berkesempatan berkunjung ke Shah Alam, pastikan anda berkunjung ke Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. 



DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, berkenan mencemar duli melawat dan mengikuti perkembangan pembinaan masjid.

Peta ke Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

PERISTIWA BERSEJARAH BULAN MEI

26 MEI

1950

Bendera Persekutuan Tanah Melayu berkibar megah buat kali pertama di pekarangan Istana Selangor, Kuala Lumpur. Upacara menaikkan bendera tersebut dilaksanakan oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Henry Gurney.

28 MEI

1955

DYMM Sultan Selangor, Sultan Hisamuddin Alam Shah al-Haj merasmikan pembukaan sebuah pasar di Jalan Raja Bot, Kuala Lumpur.

4 MEI

1957

Pengerusi Panitia Kongres Melayu Malaya Kedua, Tuan Haji Yahya bin Sheikh Ahmad merasmikan Kongres Kebangsaan Melayu Kedua di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Bahru, Kuala Lumpur.

14 MEI

1959

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Abdul Razak Hussein merasmikan Maktab Perguruan Persekutuan Tanah Melayu yang terletak di Gelugor, Pulau Pinang.

22 MEI

1963

DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tunku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail mengisytiharkan penubuhan Majlis Kebangsaan Kemajuan Ekonomi Melayu.

25 MEI

1964

Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman merasmikan pembukaan Kursus Teknik Pertama bagi kontraktor Melayu di Maktab Teknik, Jalan Gurney Kuala Lumpur.

20 MEI

1968

Menteri Penerangan dan Penyiaran, YB Senu bin Abdul Rahman melancarkan perkhidmatan Pertubuhan Berita Nasional (BERNAMA) di Ibu Pejabat BERNAMA, Kuala Lumpur.

19 MEI

1974

Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Hussein bin Onn merasmikan pembukaan Kongres Pertama Persekutuan Kebangsaan Kakitangan Akademik Universiti-universiti Malaysia di Universiti Malaya.

16 MEI

1975

Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak merasmikan pembukaan Pusat Latihan Membina Semangat, di Mersing Johor.

6 MEI

1985

Kementerian Penerangan melancarkan Kursus Perhubungan Awam bertempat di IPTAR, Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Penerangan, YB Mohd Kasim bin Ahmad.